



Treaty Series No. 23 (1989)

Protocol

amending the Agreement

between the Government
of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland
and the Government of Malaysia

for the Avoidance of Double Taxation and the
Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes
on Income signed at London on 30 March 1973

London, 21 July 1987

[The Protocol entered into force on 26 January 1988]

*Presented to Parliament
by the Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs
by Command of Her Majesty
July 1989*

LONDON
HER MAJESTY'S STATIONERY OFFICE
£2.30 net

PROTOCOL
AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF THE
UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND AND
THE GOVERNMENT OF MALAYSIA FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE
TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT
TO TAXES ON INCOME SIGNED AT LONDON ON 30 MARCH 1973

The Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and the Government of Malaysia;

Desiring to conclude a Protocol to amend the Agreement between the Contracting Governments for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income, signed at London on 30 March 1973¹ (hereinafter referred to as "the Agreement");

Have agreed as follows:

ARTICLE 1

Article I of the Agreement shall be amended by:

- (a) substituting for sub-paragraph (a) of paragraph (1), the following:
 - “(a) in Malaysia:
 - (i) the income tax and excess profit tax; and
 - (ii) the supplementary income tax, that is, development tax (hereinafter referred to as “Malaysian tax”);”
- (b) deleting the words “(including surtax)” in sub-paragraph (b) (i) of paragraph (1).

ARTICLE 2

Article II of the Agreement shall be amended by:

- (a) substituting for sub-paragraph (g) of paragraph (1) the following:
 - “(g) the term “person” includes an individual, a company and any other body of persons;
- (b) substituting for sub-paragraph (i) (ii) (aa) of paragraph (1) the following:
 - “(aa) any British citizen or any British subject not possessing the citizenship of any other Commonwealth country or territory, provided that he has the right of abode in the United Kingdom;”

ARTICLE 3

Article III of the Agreement shall be amended by substituting for sub-paragraph (a) of paragraph (1) the following:

- “(a) the term “resident of Malaysia” means a person who is resident in Malaysia for the purpose of Malaysian tax;”

ARTICLE 4

Article IX of the Agreement shall be amended by substituting for paragraph (6) the following:

- “(6) The provisions of paragraphs (2) and (3) or, as the case may be, paragraph (5) of this Article shall not apply where a resident of one of the Contracting States has in the other Contracting State a permanent establishment or a fixed base and the holding by virtue of which the dividends are paid is effectively connected with the business carried on through such permanent establishment or the independent personal services performed from such fixed base. In such case the provisions of Article VI or Article XIVA, as the case may be, shall apply.”

¹Treaty Series No. 21 (1974), Cmnd. 5563.

ARTICLE 5

Article X of the Agreement shall be amended by:

- (a) deleting the words "by Act A 98 of 1972" in paragraph (2);
- (b) substituting for paragraph (4) the following:

"(4) Interest shall be deemed to arise in a Contracting State when the payer is that State itself, a political subdivision, a local authority or a resident of that State. Where, however, the person paying the interest, whether he is a resident of a Contracting State or not, has in a Contracting State a permanent establishment or a fixed base in connection with which the indebtedness on which the interest is paid was incurred, and such interest is borne by such permanent establishment or fixed base, then such interest shall be deemed to arise in the State in which the permanent establishment or fixed base is situated."
- (c) substituting for paragraph (5) the following:

"(5) The provisions of paragraphs (1) and (2) of this Article shall not apply if the recipient of the interest, being a resident of one of the Contracting States, has in the other Contracting State from which the interest is derived a permanent establishment or fixed base with which the indebtedness from which the interest arises is effectively connected. In such case the provisions of Article VI or Article XIVA, as the case may be, shall apply."

ARTICLE 6

Article XI of the Agreement shall be amended by:

- (a) substituting for paragraph (4) the following:

"(4) The provisions of paragraphs (1) and (2) of this Article shall not apply if the recipient of the royalties, being a resident of one of the Contracting States, has in the other Contracting State from which the royalties are derived a permanent establishment or fixed base with which the right or property giving rise to the royalties is effectively connected. In such case the provisions of Article VI or Article XIVA, as the case may be, shall apply."
- (b) substituting for paragraph (6) the following:

"(6) Royalties shall be deemed to arise in a Contracting State where the payer is that State itself, a political subdivision, a local authority or a resident of that State. Where, however, the person paying the royalties, whether he is a resident of a Contracting State or not, has in a Contracting State a permanent establishment or fixed base in connection with which the obligation to pay the royalties was incurred and the royalties are borne by that permanent establishment or fixed base, then the royalties shall be deemed to be derived from the Contracting State in which the permanent establishment or fixed base is situated."

ARTICLE 7

The following new Article shall be inserted immediately after Article XI of the Agreement:

"ARTICLE XIA

Technical fees

- (1) Technical fees derived from one of the Contracting States by a resident of the other Contracting State who is the beneficial owner thereof and is subject to tax in that other State in respect thereof may be taxed in the first-mentioned Contracting State at a rate not exceeding 10 per cent of the gross amount of the technical fees.
- (2) The term "technical fees" as used in this Article means payments of any kind to any person, other than to an employee of the person making the payments, in consideration for any services of a technical, managerial or consultancy nature.

(3) The provisions of paragraph (1) of this Article shall not apply if the beneficial owner of the technical fees, being a resident of a Contracting State, carries on business in the other Contracting State in which the technical fees arise through a permanent establishment situated therein, or performs in that other State independent personal services from a fixed base situated therein, and the technical fees are effectively connected with such permanent establishment or fixed base. In such case, the provisions of Article VI or Article XIVA, as the case may be, shall apply.

(4) Technical fees shall be deemed to arise in a Contracting State when the payer is that State itself, a political subdivision, a local authority or a resident of that State. Where, however, the person paying the technical fees, whether he is a resident of a Contracting State or not, has in a Contracting State a permanent establishment or fixed base in connection with which the obligation to pay the technical fees was incurred, and such technical fees are borne by such permanent establishment or fixed base, then such technical fees shall be deemed to arise in the Contracting State in which the permanent establishment or fixed base is situated.

(5) Where, by reason of a special relationship between the payer and the beneficial owner or between both of them and some other person, the amount of the technical fees paid exceeds, for whatever reason, the amount which would have been agreed upon by the payer and the beneficial owner in the absence of such relationship, the provisions of this Article shall apply only to the last-mentioned amount. In such case, the excess part of the payments shall remain taxable according to the law of each Contracting State, due regard being had to the other provisions of this Agreement."

ARTICLE 8

Article XIV of the Agreement shall be amended by:

- (a) substituting for sub-paragraph (c) of paragraph (1) the following:
“(c) the income is not directly deductible from the income of a permanent establishment or fixed base which the person has in Malaysia.”
- (b) substituting for sub-paragraph (c) of paragraph (2) the following:
“(c) the income is not directly deductible from the income of a permanent establishment or fixed base which the person has in the United Kingdom.”

ARTICLE 9

The following new Article shall be inserted immediately after Article XIV of the Agreement:

“ARTICLE XIVA

Independent personal services

(1) Subject to the provisions of Article XIA, income derived by a resident of a Contracting State in respect of professional services or other activities of an independent character shall be taxable only in that State except in the following circumstances, when such income may also be taxed in the other Contracting State:

- (a) if he has a fixed base regularly available to him in the other Contracting State for the purpose of performing his activities; in that case so much of the income as is attributable to that fixed base may be taxed in that other State; or
- (b) if his stay in the other Contracting State is for a period or periods amounting to or exceeding in the aggregate 120 days in any period of 12 months; in that case so much of the income as is derived from his activities performed in that other State may be taxed in that other State.

(2) The term “professional services” includes especially independent scientific, literary, artistic, educational or teaching activities as well as the independent activities of physicians, lawyers, engineers, architects, dentists and accountants.”

ARTICLE 10

Article XV of the Agreement shall be amended by substituting the following new Article:

"ARTICLE XV

Artistes and athletes

- (1) Notwithstanding the provisions of Articles XIV and XIVA income derived by a resident of a Contracting State as an entertainer, such as a theatre, motion picture, radio or television artiste or a musician or as an athlete, from his personal activities as such exercised in the other Contracting State, may be taxed in that other State.
- (2) Where income in respect of personal activities exercised by an entertainer or an athlete in his capacity as such accrues not to the entertainer or athlete himself but to another person, that income may, notwithstanding the provisions of Articles VI, XIV and XIVA, be taxed in the Contracting State in which the activities of the entertainer or athlete are exercised.
- (3) Notwithstanding the provisions of paragraphs (1) and (2) of this Article, income derived from such activities as are referred to in paragraph (1) shall be exempt from tax in the Contracting State in which the activities are exercised, if the visit to that State is directly or indirectly supported, wholly or substantially, from public funds of the other State."

ARTICLE 11

Article XIX of the Agreement shall be amended by substituting for paragraph (2) the following:

"(2) Capital gains from the alienation of any movable property of a permanent establishment which an enterprise of a Contracting State has in the other Contracting State or of movable property pertaining to a fixed base available to a resident of a Contracting State in the other Contracting State for the purpose of performing independent personal services, including such gains from the alienation of such a permanent establishment (alone or together with the whole enterprise) or of such fixed base, may be taxed in that other State."

ARTICLE 12

Article XXI of the Agreement shall be amended by:

- (a) substituting for sub-paragraph (a) (i) of paragraph (5) the following:

"(i) Sections 22, 23, 29, 32 and 33 of the Promotion of Investments Act 1986 of Malaysia and Section 45 of that Act to the extent that it relates to Sections 21, 22 and 26 of the Investment Incentives Act 1968 as well as Section 34 of that 1968 Act to the extent that it relates to Sections 19 and 20 of the Pioneer Industries (Relief from Income Tax) Ordinance 1958, so far as the Sections were in force on, and have not been modified since, the date of signature of this Protocol or have been modified only in minor respects so as not to affect their general character; or"
- (b) substituting for sub-paragraph (b) of paragraph (5) the following:

"(b) in the case of interest to which paragraph (2) of Article X applies, and provided that the loan or other indebtedness in question in respect of which the interest is paid is certified by the competent authority of Malaysia as being for the purpose of promoting industrial, commercial, scientific or educational development in Malaysia, an amount not exceeding a sum equivalent to tax at a rate of 15 per cent on the gross amount of the interest in respect of Malaysian tax which would have been payable but for the exemption from tax granted under paragraph 27 of Part I of Schedule 6 to the Income Tax Act 1967 of Malaysia; or"

ARTICLE 13

(1) Each of the Contracting States shall notify to the other the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol which shall form an integral part of the Agreement. This Protocol shall enter into force on the date of the later of these notifications¹ and, subject to the provisions of paragraphs (2) and (3) of this Article, shall thereupon have effect:

- (a) in relation to payments referred to in Article 7 of this Protocol, to amounts paid on or after 1 January 1986;
- (b) in relation to all other provisions of this Protocol:
 - (i) in Malaysia:
as respects Malaysian tax, for any year of assessment beginning on or after 1 January 1987;
 - (ii) in the United Kingdom:
 - (aa) as respects income tax and capital gains tax, for any year of assessment beginning on or after 6 April 1987;
 - (bb) as respects corporation tax, for any financial year beginning on or after 1 April 1987.

(2) Where any provision of the Agreement would have afforded any greater relief from tax than is due under this Protocol, any such provision as aforesaid shall continue to have effect:

- (a) in Malaysia, for any year of assessment, and
- (b) in the United Kingdom for any year of assessment or financial year beginning, in either case, before the entry into force of this Protocol.

(3) This Protocol shall cease to be effective at such a time as the Agreement ceases to be effective in accordance with Article XXVII of the Agreement.

In witness whereof the undersigned, duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Protocol.


Done in duplicate at London this 21st day of July 1987 in the English language and in Bahasa Malaysia, both texts being equally authoritative.

For the Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland:



GEOFFREY HOWE

For the Government of Malaysia:



ABU HASSAN HAJI OMAR

¹The Protocol entered into force on 26 January 1988.

PROTOKOL
BAGI MEMINDA PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN UNITED KINGDOM
GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA DAN KERAJAAN MALAYSIA BAGI
MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL
BERKENAAN DENGAN CUKAI ATAS PENDAPATAN YANG
DITANDATANGANI DI LONDON PADA 30 MAC 1973

Kerajaan United Kingdom of Great Britain dan Ireland Utara dan Kerajaan Malaysia;

Dengan hasrat hendak membuat suatu Protokol bagi meminda Perjanjian antara Kerajaan-Kerajaan Berjanji bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan, yang ditandatangani di London pada 30 Mac 1973 (kemudian daripada ini disebut "Perjanjian");

Telah bersetuju seperti berikut:

PERKARA 1

Perkara 1 Perjanjian hendaklah dipinda dengan:

- (a) menggantikan subperenggan (a) perenggan (1), dengan yang berikut:
 - “(a) di Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan; dan
 - (ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai pembangunan (kemudian daripada ini disebut ‘cukai Malaysia’);”
- (b) memotong perkataan-perkataan “(termasuk cukaitokok)” dalam subperenggan (b) (i) perenggan (1).

PERKARA 2

Perkara II Perjanjian hendaklah dipinda dengan:

- (a) menggantikan subperenggan (g) perenggan (1) dengan yang berikut:
 - “(g) istilah ‘orang’ termasuk seorang perseorangan, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang yang lain;”
- (b) menggantikan subperenggan (i) (ii) (aa) perenggan (1) dengan yang berikut:
 - “(aa) mana-mana warganegara British atau mana-mana rakyat British yang tidak mempunyai kewarganegaraan mana-mana negara Komonwel atau wilayah yang lain, dengan syarat bahawa dia mempunyai hak untuk tinggal di United Kingdom;”

PERKARA 3

Perkara III Perjanjian hendaklah dipinda dengan menggantikan subperenggan (a) perenggan (1) dengan yang berikut:

- “(a) istilah ‘pemastautin Malaysia’ ertinya seseorang yang menjadi pemastautin Malaysia bagi maksud cukai Malaysia;”

PERKARA 4

Perkara IX Perjanjian hendaklah dipinda dengan menggantikan perenggan (6) dengan yang berikut:

“(6) Peruntukan-peruntukan perenggan (2) dan (3) atau, mengikut mana yang berkenaan, perenggan (5). Perkara ini tidak boleh dipakai dimana pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu suatu pertubuhan tetap atau suatu pangkalan tetap dan pemegangan yang kerananya dividen-dividen itu dibayar adalah berkaitan dengan secara berkesan dengan perniagaan yang dijalankan melalui pertubuhan tetap itu atau perkhidmatan diri tak berkait yang dilaksanakan dari pangkalan tetap tersebut. Dalam hal yang sedemikian peruntukan-peruntukan Perkara VI atau Perkara XIVA, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dipakai.”

PERKARA 5

Perkara X Perjanjian hendaklah dipinda dengan:

- (a) memotong perkataan-perkataan "oleh Akta A98 tahun 1972" dalam perenggan (2).
- (b) menggantikan perenggan (4) dengan yang berikut:

"(4) Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar adalah Negara itu sendiri, suatu subbahagian politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada dia seorang pemastautin suatu Negara Berjanji atau tidak, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap atau suatu pangkalan tetap yang berkaitan dengannya keterhutangan yang atasnya bunga itu dibayar adalah bertanggung, dan bunga itu adalah ditanggung oleh pertubuhan tetap atau pangkalan tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap atau pangkalan tetap itu terletak."
- (c) menggantikan perenggan (5) dengan yang berikut:

"(5) Peruntukan-peruntukan perenggan (1) dan (2) Perkara ini tidak boleh dipakai jika penerima bunga itu, yang menjadi pemastautin bagi satu daripada negara-negara Berjanji, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu dari mana bunga itu diperolehi suatu pertubuhan tetap atau pangkalan tetap yang dengannya keterhutangan dari mana bunga itu terbit adalah berkaitan secara berkesan. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara VI atau Perkara XIVA, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dipakai."

PERKARA 6

Perkara XI Perjanjian hendaklah dipinda dengan:

- (a) menggantikan perenggan (4) dengan yang berikut:

"(4) Peruntukan-peruntukan perenggan (1) dan (2) Perkara ini, tidak boleh dipakai jika penerima royalti-royalti, yang menjadi pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu dari mana royalti-royalti itu diperolehi suatu pertubuhan tetap atau pangkalan tetap yang dengannya hak atau harta yang menimbulkan royalti-royalti itu adalah berkaitan secara berkesan. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara VI atau Perkara XIVA, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dipakai."
- (b) menggantikan perenggan (6) dengan yang berikut:

"(6) Royalti-royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayarnya adalah Negara itu sendiri, suatu subbahagian politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti-royalti itu sama ada dia seorang pemastautin suatu Negara Berjanji atau tidak, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap atau suatu pangkalan tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar royalti-royalti adalah bertanggung dan royalti-royalti itu adalah ditanggung oleh pertubuhan tetap atau pangkalan tetap itu, maka royalti-royalti itu hendaklah disifatkan sebagai diperolehi daripada Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap atau pangkalan tetap itu terletak."

PERKARA 7

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas sahaja Perkara XI Perjanjian:

"PERKARA XIA

Fee Teknikal

- (1) Fee teknikal yang diperolehi daripada salah satu Negara-negara Berjanji oleh seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi yang menjadi pemunya benefisial fee itu dan adalah tertakluk kepada cukai di Negara yang satu lagi itu berkenaan dengan fee teknikal boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu pada kadar tidak melebihi 10 peratus daripada amaun kasar fee teknikal itu.

(2) Istilah "fee teknikal" sebagaimana digunakan di dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis pembayaran kepada mana-mana orang, selain daripada kepada seorang pekerja orang yang membuat pembayaran itu, sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang berbentuk teknik, pengurusan atau perunding.

(3) Peruntukan-peruntukan perenggan (1) Perkara ini tidak boleh dipakai jika pemunya benefisial fee teknikal itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana fee teknikal terbit melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan dalam Negara yang satu lagi itu perkhidmatan diri tak berkait daripada suatu pangkalan tetap yang terletak di dalamnya, dan fee teknikal itu adalah berkaitan secara berkesan dengan pertubuhan tetap atau pangkalan tetap tersebut. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara VI atau Perkara XIVA, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dipakai.

(4) Fee teknikal hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayarannya adalah Negara itu sendiri, suatu subbahagian politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar fee teknikal itu, sama ada ia seorang pemastautin suatu Negara Berjanji atau tidak, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap atau pangkalan tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar fee teknikal adalah bertanggung, dan fee teknikal itu adalah ditanggung oleh pertubuhan tetap atau pangkalan tetap itu, maka fee teknikal itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap atau pangkalan tetap itu terletak.

(5) Jika, atas sebab suatu perhubungan khas di antara pembayar dengan pemunya benefisial fee teknikal atau di antara kedua-dua mereka dengan beberapa orang lain, maka amaun fee teknikal yang dibayar melebihi, atas apa jua sebab, amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan yang sedemikian, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya kepada amaun yang kemudian tersebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, setelah memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini."

PERKARA 8

Perkara XIV Perjanjian hendaklah dipinda dengan:

- (a) menggantikan subperenggan (c) perenggan (1) dengan yang berikut:
“(c)pendapatan itu tidak boleh dipotong secara langsung daripada pendapatan suatu pertubuhan tetap atau pangkalan tetap yang dipunyai oleh orang itu di Malaysia.”
- (b) menggantikan subperenggan (c) perenggan (2) dengan yang berikut:
“(c)pendapatan itu tidak boleh dipotong secara langsung daripada pendapatan suatu pertubuhan tetap atau pangkalan tetap yang dipunyai oleh orang itu di United Kingdom.”

PERKARA 9

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas sahaja Perkara XIV Perjanjian:

“PERKARA XIVA

Perkhidmatan diri tak berkait

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara XIA, pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Berjanji berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan profesional atau aktiviti-aktiviti lain yang mempunyai sifat tak berkait hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu kecuali dalam hal-hal keadaan yang berikut, apabila pendapatan itu boleh juga dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu:

- (a) jika dia mempunyai suatu pangkalan tetap yang biasanya tersedia kepadanya dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan aktiviti-aktivitinya; dalam hal itu sekian banyak daripada pendapatan yang boleh dikaitkan dengan pangkalan tetap itu bolehlah dicukai dalam Negara yang satu lagi itu; atau
 - (b) jika dia tinggal dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah sebanyak atau melebihi pada agregatnya 120 hari dalam mana-mana tempoh 12 bulan, dalam hal itu sekian banyak daripada pendapatan yang boleh diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam Negara yang satu lagi itu bolehlah dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.
- (2) Istilah 'perkhidmatan-perkhidmatan profesional' termasuk terutamanya aktiviti-aktiviti saintifik, kesusasteraan, seni, pendidikan atau pengajaran yang tak berkait serta juga aktiviti-aktiviti pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor gigi dan akauntan yang tak berkait."

PERKARA 10

Perkara XV Perjanjian hendaklah dipinda dengan menggantikannya dengan Perkara baru yang berikut:

"PERKARA XV

Seniman dan Olahragawan

- (1) Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara XIV dan XIVA, pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Berjanji sebagai seorang penghibur seperti seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau sebagai seorang ahli muzik atau sebagai seorang olahragawan, daripada aktiviti-aktiviti persendirian yang sedemikian yang dilakukan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.
- (2) Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti persendirian yang dilakukan oleh seorang penghibur atau seorang olahragawan atas sifatnya yang sedemikian, terakru bukan kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi kepada seorang yang lain, maka pendapatan itu boleh, walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara VI, XIV dan XIVA, dicukai dalam Negara Berjanji di mana aktiviti-aktiviti penghibur atau olahragawan itu dilakukan.
- (3) Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan (1) dan (2) Perkara ini, pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti tertentu sebagaimana tersebut dalam perenggan (1) hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji di mana aktiviti-aktiviti itu dilakukan, sekiranya lawatan ke Negara itu adalah ditanggung secara langsung atau tidak langsung, kesemuanya atau matannya, daripada kumpulanwang awam Negara Berjanji yang satu lagi itu."

PERKARA 11

Perkara XIX Perjanjian hendaklah dipinda dengan menggantikan perenggan (2) dengan yang berikut:

- "(2) Kelabaan modal daripada pemberimilikan mana-mana harta alih suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh enterprais suatu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atau harta alih mengenai suatu pangkalan tetap yang tersedia kepada seorang pemastautin suatu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan perkhidmatan diri tak berkait, termasuklah apa-apa kelabaan daripada pemberimilikan sesuatu pertubuhan tetap (bersendirian atau bersama-sama dengan keseluruhan enterprais) atau sesuatu pangkalan tetap itu, boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu."

PERKARA 12

Perkara XXI Perjanjian hendaklah dipinda dengan:

- (a) menggantikan subperenggan (a) (i) perenggan (5) dengan yang berikut:

“(i) Seksyen-seksyen 22, 23, 29, 32 dan 33 Akta Galakan Pelaburan 1986 bagi Malaysia dan Seksyen 45 Akta itu setakat mana ia berhubung dengan seksyen-seksyen 21, 22 dan 26 Akta Galakan Pelaburan 1968 dan juga Seksyen 34 Akta 1968 tersebut setakat mana ia berhubung dengan Seksyen-seksyen 19 dan 20 Ordinan Perusahaan Perintis (Pelepasan Cukai Pendapatan) 1958, setakat mana Seksyen-seksyen itu berkuatkuasa pada, dan belum lagi diubahsuai sejak tarikh Protokol ini ditandatangani, atau telah diubahsuai hanya dalam perkara-perkara kecil supaya tidak menyentuh bentuk amnya; atau”
- (b) menggantikan subperenggan (b) perenggan (5) dengan yang berikut:

“(b) dalam hal bunga yang baginya perenggan (2) Perkara X dipakai, dan dengan syarat bahawa pinjaman atau lain-lain keterhutangan yang dipersoalkan, berkenaan dengan bunga yang dibayar telah diperakui oleh pihak berkuasa yang layak bagi Malaysia sebagai bagi maksud menggalakkan pembangunan industri, perdagangan, saintifik atau pendidikan di Malaysia, suatu amaun tidak melebihi satu jumlah yang senilai dengan cukai pada kadar 15 peratus atau amaun kasar bunga itu berkenaan dengan cukai Malaysia yang boleh kena dibayar tetapi bagi pengecualian daripada cukai yang diberikan di bawah perenggan 27 Bahagian I Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Malaysia; atau”

PERKARA 13

- (1) Tiap-tiap satu Negara Berjanji hendaklah memberitahu kepada yang satu lagi penyempurnaan prosedur-prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi menguatkuasakan Protokol ini yang hendaklah menjadi bahagian yang penting kepada Perjanjian. Protokol ini hendaklah mula berkuatkuasa pada terikh yang terkemudian daripada pemberitahuan-pemberitahuan ini dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan (2) dan (3) Perkara ini, hendaklah sesudah itu mempunyai kuatkuasa:
 - (a) berhubung dengan pembayaran-pembayaran yang tersebut dalam Perkara 7 Protokol ini, bagi amaun-amaun yang dibayar pada atau selepas 1 Januari 1986;
 - (b) berhubung dengan kesemua peruntukan-peruntukan lain Protokol ini:
 - (i) di Malaysia:

berkenaan dengan cukai Malaysia, bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1 Januari 1987;
 - (ii) di United Kingdom:
 - (aa) berkenaan dengan cukai pendapatan dan cukai kelabaan modal, bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 6 April 1987;
 - (bb) berkenaan dengan cukai perbadanan, bagi mana-mana tahun kewangan yang bermula pada atau selepas 1 April 1987.
- (2) Jika mana-mana peruntukan Perjanjian akan memberi apa-apa pelepasan cukai yang lebih besar daripada yang sepatutnya di bawah Protokol ini, maka apa-apa peruntukan sebagaimana yang tersebut dahulu itu hendaklah terus berkuatkuasa:
 - (a) di Malaysia, bagi mana-mana tahun taksiran; dan
 - (b) di United Kingdom, bagi mana-mana tahun taksiran atau tahun kewangan, bermula, dalam mana-mana satu hal, sebelum mula berkuatkuasa Protokol ini.
- (3) Protokol ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa pada suatu masa tertentu sebagaimana Perjanjian terhenti daripada berkuatkuasa mengikut Perkara XVII Perjanjian.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.


Diperbuat dalam dua salinan di London pada 21 haribulan July 1987 dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, kedua-dua naskah itu adalah sama sahinya.

Bagi pihak Kerajaan United Kingdom of
Great Britain dan Ireland Utara:



GEOFFREY HOWE

Bagi pihak Kerajaan Malaysia:



ABU HASSAN HAJI OMAR